

Amalan dan Kepercayaan Tradisi Pemakaian *Sunduk* Masyarakat Dusun Tindal di Sabah

¹Salbiah Kindoyop, ²Nurul Aisyah Othman
^{1,2}Universiti Malaysia Sabah
Salbiah.bea@gmail.com

Published: 30 Disember 2021

To cite this article (APA): Kindoyop, S., & Othman, N. A. (2021). Amalan dan Kepercayaan Tradisi Pemakaian *Sunduk* Masyarakat Dusun Tindal di Sabah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 13-19. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.2.2.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.2.2.2021>

ABSTRAK

Amalan adalah sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan dan kepercayaan pula adalah keyakinan yang membenarkan sesuatu, iman dan iktikad mengenai sesuatu (Kamus Dewan, 2005). Amalan dan kepercayaan masyarakat Dusun Tindal terhadap pemakaian *sunduk* atau *surunduk* merupakan suatu kebiasaan dan keyakinan mereka terhadap amalan yang telah diwarisi daripada nenek moyang. *Sunduk* adalah salah satu bahagian yang terdapat dalam pakaian tradisional wanita masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud, Sabah. *Sunduk* dipakai untuk menutup bahagian kepala dan sebagai pelindung daripada cahaya matahari. Dalam majlis perkahwinan, pengantin wanita juga akan memakai *sunduk* sebagai penambah seri dalam kecantikannya. Selain itu, *sunduk* juga digunakan oleh para *Bobolian* (pengamal ritual) ketika mengadakan upacara ritual. Menurut kepercayaan masyarakat Dusun Tindal, pemakaian *sunduk* dalam kalangan wanita bukan sahaja dapat menjaga kulit wajah tetapi dipercayai mempunyai roh yang memudahkan *bobolian* untuk berhubung dengan kuasa ghaib. Kajian melalui kaedah kerja lapangan dan penelitian ini akan mendokumentasikan amalan dan kepercayaan penggunaan *sunduk* dalam kehidupan masyarakat Dusun Tindal.

Kata Kunci: Amalan, Kepercayaan, Pemakaian, *Sunduk*, Dusun Tindal

PENGENALAN

Amalan pemakaian *sunduk* atau *surunduk* bagi kaum wanita Dusun Tindal adalah satu sistem yang mempunyai makna dan dan kepercayaan tertentu dalam kehidupan mereka. Amalan ini juga telah diwarisi daripada nenek moyang sejak zaman berzaman. Pemakaian *sunduk* adalah selaras dengan pakaian dan perhiasan pada pakaian tradisional mereka yang dikenali sebagai *sinipak* dan *rinagang*.

Masyarakat Dusun Tindal mendiami daerah Kota Belud yang terletak di kawasan Pantai Barat Negeri Sabah. Daerah ini merentasi kawasan seluas 1385.6 Kilometer persegi dan terletak di kawasan kaki Gunung Kinabalu. Jarak Kota Belud ke Kota Kinabalu adalah sejauh 77 Kilometer. Daerah ini juga bersempadan dengan tiga buah daerah iaitu, daerah Kota Marudu di sebelah Utara, daerah Ranau di bahagian Timur dan daerah Tuaran di bahagian Barat. Berdasarkan banci penduduk dan perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), penduduk Dusun Tindal merupakan etnik yang terbesar mendiami daerah Kota Belud iaitu, berjumlah 38,097 orang, diikuti etnik Bajau dan Iranun yang berjumlah 31,506 orang.

Masyarakat Dusun Tindal mempunyai amalan dan kepercayaan tradisi yang masih diamalkan sehingga kini. Antara amalan tradisi yang diamalkan seperti pemakaian pakaian, tarian, perkahwinan dan kraf tangan. Pakaian tradisional merupakan warisan yang menonjol dalam kalangan Dusun Tindal. Menurut

informan¹, Dusun Tindal dapat dikenali melalui keunikan pakaian tradisional yang dipakai semasa pesta menuai dan hari keramaian.

Terdapat dua jenis pakaian tradisi Dusun Tindal yang dipanggil *sinipak* dan *rinagang*. *Sinipak* adalah sinonim dengan Dusun Tindal yang mendiami kawasan tanah rata manakala *rinagang* popular dalam kalangan Dusun Tindal yang tinggal di kawasan berbukit. Kajian ini akan memfokuskan pada perhiasan utama pakaian *sinipak* dan *rinagang* iaitu *sunduk* atau *surunduk*.

AMALAN DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT DUSUN TINDAL

Masyarakat Dusun Tindal amat berpegang pada amalan dan kepercayaan tradisi seperti adat-adat lama yang mereka warisi daripada nenek moyang. Setiap adat dan kepercayaan yang diamalkan adalah berkait rapat dengan kehidupan manusia, alam sekeliling dan kosmologi. Adat-adat dan kepercayaan tradisi diamalkan dan dipelihara dengan baik oleh pengamal adat dan Ketua Kampung. Ketua Kampung memainkan peranan untuk meneruskan amalan tradisi seperti dalam upacara perkahwinan dan hukuman atau *sogit*. Walau bagaimanapun, sebahagian besar generasi muda pada masa kini telah menganuti agama Kristian dan agama Islam. Secara keseluruhannya kaum ini masih berpegang kuat kepada kepercayaan dan adat-adat lama. Dari segi budaya dan cara hidup, masyarakat Dusun Tindal mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat Kadazan Dusun yang lain berdasarkan amalan, kepercayaan, bahasa, upacara dan adat istiadatnya.



Rajah 1: Imej Pemakaian *Sunduk*.

Secara tradisinya, masyarakat Dusun Tindal mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menghasilkan kraf tangan seperti anyaman dan sulaman pakaian. Kraf tangan anyaman biasanya menggunakan bahan alam semula jadi seperti kulit kayu, rotan, bambu dan kayu. Manakala kraf sulaman dihasilkan untuk membuat pakaian tradisional. Kearifan masyarakat Dusun Tindal dalam menghasilkan pakaian tradisional merupakan satu amalan yang diwarisi. Penghasilan pakaian tradisional wanita iaitu, *sinipak* dan *rinagang* mestilah lengkap dengan perhiasannya termasuk penghasilan *sunduk*.

¹ Maklumat daripada informan (Soulin Salidap, 50 tahun).


SUNDUK DALAM PAKAIAN SINIPAK

Pakaian *sinipak* mempunyai keunikan dan keindahan yang tersendiri melalui sulaman manik yang membentuk motif dan corak pada ragam hias *sinipak*. Kemahiran menyulam yang dimiliki oleh pembuat pakaian menjadikan *sinipak* sebagai salah satu kostum terkenal di negeri Sabah. Cara untuk menghasilkan pakaian *sinipak* adalah sangat rumit dan memerlukan kesabaran dan peralatan yang mahal. Justeru itu, pakaian tradisional ini tidak mampu dimiliki oleh setiap orang. Walau bagaimanapun, pada biasanya pemilik dan pembuat pakaian *sinipak* mempunyai koleksi yang banyak dan mereka menyediakan perkhidmatan sewaan.




Rajah 2: Imej Pakaian Sinipak.

Rajah 2, menunjukkan imej pakaian *sinipak* yang dipakai oleh pengantin lelaki dan wanita yang dirakam semasa menarikan tarian *sumazau*. Pakaian *sinipak* menunjukkan reka bentuk dan aksesori yang sangat menarik. Salah satu aksesori pakaian *sinipak* adalah *sunduk* yang dipakai oleh pengantin wanita. *Sunduk* dipakai oleh pengantin wanita sebagai penambah seri kecantikannya. Reka bentuk pakaian *sinipak* telah menjadi identiti kostum tradisional milik masyarakat Dusun Tindal sehingga kini.



Rajah 3: Struktur Pakaian dan Perhiasan Sinipak

Rajah 3, menunjukkan struktur dan aksesori *sinipak* yang mempunyai dua belas jenis perhiasan iaitu *sunduk*, *lolopot*, *kuapu*, *sinipak*, *saring pirok*, *solindang*, *tinggot*, *baratina*, *babagas*, *gonob* dan *lungkaki*. Menurut informan², pemakaian *sinipak* semasa upacara adat dan keramaian adalah satu budaya adat dalam masyarakat Dusun Tindal. Dalam upacara perkahwinan, pengantin lelaki dan wanita serta penari dan kaum keluarga wajib berpakaian *sinipak*. Pada kebiasaannya, kostum pengantin adalah lebih lengkap berbanding dengan yang lain. Budaya pemakaian ini bertujuan untuk menambah seri pengantin di samping memeriahkan majlis perkahwinan tersebut.



Rajah 4: Imej *Sunduk* pada Pakaian *Sinipak*.

Rajah 4, menunjukkan imej pemakaian *sunduk* pada pakaian *sinipak*. *Sunduk* diperbuat daripada kain berwarna hitam yang disulam dengan benang berwarna merah dan kuning serta manik-manik yang disusun secara melintang dan menegak membentuk corak geometri. Pemakaian *sunduk* sebagai hiasan kepala bertujuan untuk menambah seri wajah si pemakai.

SUNDUK DALAM PAKAIAN RINAGANG

Pakaian *rinagang* adalah kostum tradisional masyarakat Dusun Tindal yang tinggal di kawasan lereng bukit di daerah Kota Belud. Pakaian tradisional *rinagang* mempunyai keunikan tersendiri daripada reka bentuk dan perhiasannya. Pakaian *rinagang* terdiri daripada baju (*binidang*), skirt (*gonob*) dan hud (*surunduk*). Terdapat juga aksesori lain seperti rantai (*karoh*), tali rotan berwarna merah (*rinagang*) dan manik yang disulam (*sinimpana*).

² Maklumat daripada informan, (Siap binti Guladi, 80 tahun).



Rajah 5: Imej Pakaian *Rinagang*.

Rajah 5, menunjukkan imej pakaian *rinagang* yang dipakai oleh pengantin wanita yang dirakam semasa menarikan tarian *sumazau*. Pakaian *rinagang* menunjukkan reka bentuk dan aksesori yang menarik. Salah satu aksesori pakaian *rinagang* adalah *surunduk* atau *sunduk* yang dipakai oleh pengantin wanita. *Sunduk* dipakai oleh pengantin wanita sebagai penambah seri kecantikannya.

Perkataan *rinagang* atau *rinagangan* diambil daripada bahasa Dusun, iaitu *aragang* yang bermaksud merah atau berwarna merah. *Rinagang* diertikan sebagai ‘dimerahkan’ sejajar dengan warna tali rotan (*tuai*) yang dimerahkan. Tali rotan tersebut telah disusun secara bergelung dan berfungsi sebagai pengikat kain (*binidang*).

Masyarakat Dusun Tindal juga menggelarkan wanita bujang sebagai *aragang* atau merah dan bererti wanita bujang. Pemakaian *rinagang* juga menjadi tanda kecantikan seseorang wanita Dusun Tindal. Oleh itu, *rinagang* telah menjadi panggilan pada kostum tradisional Tindal yang diguna pakai sehingga hari ini.



Rajah 6 Struktur Pakaian dan Perhiasan *Rinagang*

Rajah 6, menunjukkan struktur pakaian dan perhiasan *rinagang*. Kain atau baju *rinagang* adalah berbentuk segi empat dan dijahit seperti kain sarung yang mempunyai saiz besar di atas dan bawah kain. Struktur pakaian *rinagang* dapat dibahagikan kepada enam bahagian utama iaitu, hiasan kepala, hiasan leher, hiasan dada, hiasan pinggang, pakaian atas dan pakaian bawah. Hiasan kepala adalah *surunduk*

yang direka seperti hud. Hiasan leher adalah *karoh* yang diperbuat daripada rangkaian manik berwarna merah. Hiasan dada adalah *rinagang* iaitu, gelungan rotan yang berlingkar seperti *spring* dan diwarnai dengan warna merah. Hiasan pinggang adalah *sinimpana* yang direka seperti taling pinggang dan diperbuat daripada sulaman manik berwarna merah dan putih. Pakaian paras atas adalah *binidang* yang direka berbentuk segi empat dan dipasangkan dengan tali untuk mengikat pada badan si pemakai. Pakaian paras bawah adalah *gonob* yang direka seperti sarung atau kain pelekat dan berwarna hitam.



Rajah 7: Imej Sunduk pada Pakaian Rinagang

Rajah 7, menunjukkan imej pemakaian *surunduk* pada pakaian *rinagang*. *Sunduk* atau *surunduk* diperbuat daripada kain berwarna hitam yang disulam dengan benang berwarna merah dan kuning serta manik-manik yang disusun secara melintang dan menegak membentuk corak geometri. Pemakaian *sunduk* sebagai hiasan kepala bertujuan untuk menambah seri wajah si pemakai.

PERANAN SUNDUK SEBAGAI PAKAIAN WARISAN DUSUN TINDAL

Pakaian *sinipak* dan *rinagang* telah diwarisi oleh masyarakat Dusun Tindal secara turun temurun mempunyai peranan dan fungsi yang tertentu. Pakaian warisan ini bukan sahaja dipakai untuk meambangkan status seorang wanita tetapi digunakan dalam sambutan perayaan *kokotuan*³ dan upacara

³ *Kokotuan* merujuk kepada perayaan pesta menuai.

adat. Upacara adat dalam masyarakat Dusun Tindal merangkumi upacara perkahwinan dan upacara ritual. Dalam upacara perkahwinan, pengantin perempuan akan memakai *rinagang* untuk menamba seri dan kecantikannya.

Dalam upacara ritual, para pengamal adat wanita yang dipanggil *bobolian* wajib memakai *sunduk* atau *surunduk*. Menurut informan⁴, *sunduk* yang berwarna hitam dipercayai dapat menyatukan kuasa *supernatural*⁵ dengan *bobolian*. Terdapat beberapa upacara ritual yang diamalkan oleh Dusun Tindal iaitu, upacara *rumangkai*, upacara *mansalud*, upacara *momurina*, upacara *mongulansai* dan upacara *magarau*. Upacara ritual tersebut bertujuan untuk memberi persembahan dan memohon pembersihan alam daripada kuasa *supernatural*. Justeru itu, pemakaian *sunduk* dalam pakaian tradisional bukan sahaja dipakai dalam upacara adat dan keramaian besar tetapi turut mempengaruhi kehidupan seharian mereka.

KESIMPULAN

Pemakaian *sunduk* atau *surunduk* dalam pakaian tradisional Dusun Tindal adalah satu amalan dan warisan pusaka yang menjadi kebanggaan masyarakatnya. Amalan ini wajar dikekalkan sebagai satu lambing identiti masyarakat Dusun Tindal yang kaya dengan seni budaya tradisinya. Oleh itu, dokumentasi amalan dan kepercayaan dalam budaya tradisi ini wajar didokumentasikan sebagai warisan dan khazanah bangsa. Selain itu, amalan pemakaian tradisional ini dapat diperkenalkan kepada masyarakat luar dan generasi moden agar tidak luput ditelan zaman.

RUJUKAN

- Benedict Topin. 1996. *Sharing on Kadazandusun Culture*. Sabah: KDCA.
- Irene Benggon-Charutuks. 1992. *Cultures, Customs and Traditions of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Ismail Hj Ibrahim, Jane Wong Kon Ling. 2002. *Warisan Seni Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Razalee bin Goroh @ Symin bin Goroh. 1982. *Titian adat istiadat kaum Dusun/Kadazan, Kota Belud*. Kota Kinabalu: Sabah State Museum. REPEAT AUTHOR
- Mohd. Razalee bin Goroh @ Symin bin Goroh. 1986. *Panduan adat-istiadat suku Dusun/Kadazan, Kota Belud*. Kota Kinabalu: Muzium dan Arkib Negeri Sabah.
- Rita Lasimbang. 1997. *An Introduction to the Traditional Costum of Sabah*. Kota Kinabalu Sabah: Natural History Publication.
- Saidatul Normis Hj Mahali. 1999. *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

INFORMAN

- Anita Abdul Ghani, 43 Tahun, Kampung Melangkap Tiong. Pembuat Kostum Tradisional, 13 Jun 2016.
- Soulin Salidap, 50 tahun, Kampung Melangkap Tiong. Ahli Jawatan Kuasa Daerah KDCA Kawasan Kampung, 12 Jun 2016.
- Suanoi Kagos, 72 tahun, Kampung Melangkap Tiong. Penyimpan dan Pembuat Kostum Tradisional, 12 Jun 2016.
- Tarini@Beneh binti Kandi, 80 Tahun, Kampung Tuguson. Penyimpan dan Pembuat Kostum Tradisi, 23 Januari 2016.

⁴ Maklumat daripada informan (Suanoi Kagos, 72 tahun).

⁵ Kuasa *supernatural* merujuk kepada kuasa-kuasa ghaib yang dianggap dewa dalam amalan tradisional Dusun Tindal.